



23 OKTOBER, 1985

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

ULANGTAHUN KE-40 PERTUBUHAN BANGSA- BANGSA BERSATU KEJAYAAN DALAM MENGEKALKAN KEAMANAN DUNIA

TANGGUNGJAWAB Bangsa-Bangsa Bersatu dalam usianya sepanjang 40 tahun menjadi perbincangan utama dalam persidangan Majlis Perhimpunan Agung kali ke-40 yang bermula pada 17 September yang lalu, dan persidangan itu sekaligus memperingati ulangtahun yang ke-40 pertubuhan tersebut yang jatuh pada 24 Oktober.

Tuan Yang Terutama Jaime De Pinies, diplomat dari negara Sepanyol yang berusia 67 tahun dan mempunyai pengalaman bertugas selama 30 tahun dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah dipilih oleh 159 negara anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menjadi Presiden Perhimpunan Agung PBB ke-40.

Dalam ucapan pembukaannya TYT Jaime De Pinies menekankan bahawa Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu kini mengalami "krisis prestasi" dan apa yang dicitakan oleh masyarakat dunia sewaktu ia ditubuhkan masih jauh dari kenyataan. Namun meskipun banyak kekurangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah berhasil dalam mengekalkan keamanan sejagat di samping pelbagai kejayaan-kejayaan yang sepatutnya dapat dibanggakan.

DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Brunei Darussalam sewaktu menyampaikan sabda ucapan di Majlis Perhimpunan Agung PBB ke-40 di New York pada 4 Oktober yang lalu menyatakan bahawa kita tidak memutuskan yang Bangsa-Bangsa Bersatu merupakan satu kegagalan. Rekod-rekod kejayaannya seperti usaha-usaha mewujudkan kedamaian di Cyprus, di Congo serta tempat-tempat lain merupakan satu kebanggaan dan memberikan sinar harapan kepada ramai di antara kita. Bangsa-Bangsa Bersatu telah mencapai kejayaan di bidang-bidang lain, dalam usaha-usaha kemanusiaan menolong orang-orang pelarian, dalam menghapuskan penyakit cacar, kerjanya bagi kebajikan kanak-kanak dan banyak lagi yang lain. Sudah pasti semuanya ini merupakan kisah kejayaan.

Tidak berkesannya Bangsa-Bangsa Bersatu dalam melaksanakan fungsi utamanya bolehlah dianggap berpunca daripada kurangnya kemahiran politik negara-negara anggotanya untuk bertindak secara positif selaras dengan tujuan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sikap positif inilah yang mesti diamalkan oleh anggota-anggotanya. Bangsa-Bangsa Bersatu boleh melakukan lebih banyak daripada apa yang sedia dilakukan oleh para anggotanya. Kerananya, sebagai negara anggota adalah menjadi tugas kita yang berat untuk melaksanakan apa yang telah kita janjikan semasa menganggotai badan ini.

Memang PBB belum mencapai ke tahap seperti yang diharapkan oleh kebanyakan orang, tetapi kewujudannya telah membolehkan kita menikmati keamanan dunia dari ditimpa oleh satu lagi perang dunia yang maha dahsyat. Sejak Perang Dunia Kedua adalah satu kenyataan bahawa konflik dan perang tempatan semuanya berjumlah 150 kali dan kesemuanya berlangsung di negara-negara Dunia Ketiga. Ianya secara perbandingan masih merupakan dunia yang aman. Benar, keadaan dunia waktu ini adalah jauh dari sempurna. Tetapi pernahkah dunia mencapai taraf kesempurnaannya?

Pertikaian sentiasa ada dan wujud selagi manusia tidak menghormati hak-hak yang sah bagi orang lain. Lihat saja masalah diskriminasi perkauman di Afrika Selatan yang menjadi politik rasmi rejim tersebut, masyarakat antarabangsa sentiasa mengancam keras dan mendesak agar amalan apartheid ini dihapuskan kerana tiada tempat lagi di dunia ini. Renungkan juga tentang perjuangan untuk kemerdekaan bagi rakyat Namibia. Kita menyokong rakyat Namibia dalam perjuangan mereka untuk mendapatkan kebebasan.

Perang Iran-Iraq, kemelut di Lubnan, campurtangan kuasa asing yang memasuki tahun keenam di Afghanistan dan tempat-tempat lain mejadi pertanda berlangsungnya terus pertikaian demi pertikaian yang kadang-kala begitu tegang.

PBB yang ditubuhkan 40 tahun yang lalu menggariskan empat tujuan utama. Pertama, bagi mengelakkan peperangan. Kedua, bagi memperteguhkan keyakinan serta penghormatan orang ramai dan negara-negara mereka terhadap hak-hak dan kebebasan asasi manusia. Ketiga, bagi mewujudkan keadilan dan menghormati kewajipan-kewajipan dan tanggungjawab-tanggungjawab antarabangsa. Keempat, bagi menggalakkan kemajuan kemasyarakatan serta memperbaiki taraf hidup manusia.

Bagi mencapai tujuan-tujuan itu piagam Bangsa-Bangsa Bersatu telah menggariskan bahawa mengamalkan kesabaran dan hidup bersama dengan aman serta damai antara satu dengan lain sebagai tetangga yang terbaik-baik, menyatukan kekuatan mereka bagi memelihara keamanan dan keselamatan antarabangsa. Menjamin dengan cara lulus-lunas yang tertentu agar kekuatan senjata tidak akan digunakan kecuali untuk muslihat bersama. Menggunakan cara-cara dan alat-alat antarabangsa bagi menggalakkan kemajuan ekonomi dan masyarakat semua bangsa.

Dalam perhubungan terbaik-baik antarabangsa, persefahaman antara sesama manusia merupakan faktor yang amat penting. Tetapi, apakah faktor ini diperhitungkan secara serius oleh pemimpin-pemimpin dunia?

Jika para pemimpin dunia berpegang teguh pada prinsip untuk perkembangan persahabatan di kalangan negara-negara berasaskan persamaan kedaulatan negara-negara, kita akan dapat dibebaskan dari penderitaan dan kesengsaraan yang berpunca dari kemelut-kemelut serta pertikaian demi pertikaian yang sering jadi perbualan hangat di setiap sidang Perhimpunan Agung PBB.

Macamana pun jua, setiap kemajuan dan bencana atau permasalahan yang ditempuhi oleh berbagai negara, banyak negara atau oleh semua negara dan bangsa di dunia ini baik yang memiliki senjata nuklir mahupun yang tidak memilikinya memperlihatkan betapa dunia ini benar-benar menjadi satu.

Gelanggag untuk mencari kebulatan pemikiran serta kesedaran positif bersama terhadap untung nasib manusia sejagat dalam mengekalkan keamanan dunia adalah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang pada 24 Oktober ini memperingati ulangtahunnya ke-40.

MINGGU SAINS DAN TEKNOLOGI ASEAN DIADAKAN DI K.L. TAHUN DEPAN

Jawatankuasa ASEAN bagi Sains dan Teknologi dengan sukacita mengumumkan bahawa satu Minggu Sains dan Teknologi ASEAN akan diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia, dari 21-30 April 1986. Minggu Sains dan Teknologi ASEAN ini bertujuan untuk mengumpulkan tokoh-tokoh utama dan ahli-ahli profesional termasuk mereka dari sektor-sektor perniagaan dan perindustrian di negara-negara ASEAN dan rakan dialog masing-masing. Pihak ketiga yang lain seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu serta pertubuhan-pertubuhan antarabangsa yang lain yang mempunyai hubungan rancangan kerjasama dengan ASEAN juga akan dijemput untuk mengambil bahagian.

Minggu Sains dan Teknologi ASEAN Pertama ini akan menjadi dorongan dan panduan kepada kerjasama dan kemajuan sains dan teknologi di ASEAN. Ianya akan diadakan tiga tahun sekali bergilir-gilir antara negara-negara ASEAN.

Rancangan utama di dalam Minggu Sains dan Teknologi ASEAN Pertama mengandungi persidangan dan pertunjukan dengan tema keseluruhannya berbunyi "Perkembangan Sains dan Teknologi bagi Kemajuan Di Dalam ASEAN".

Fokus utama Minggu Sains dan Teknologi ASEAN Pertama ini ialah kemajuan sains dan teknologi di ASEAN di masa hadapan dengan penekanan kepada teknologi

Fokus utama Minggu Sains dan Teknologi ini ialah kemajuan sains dan teknologi di negara ASEAN di masa depan dengan penekanan kepada teknologi tinggi di berbagai bidang.

tinggi di bidang-bidang berikut:

- Robotics, CAD/CAM, penggunaan microelectronics, teknologi laser dan sebagainya.
- Biotechnology
- Sains Perubatan
- Material Science
- Informatics

Isu-isu yang akan dibincangkan mengandungi perkara berikut:

- Teknologi di dalam perindustrian khususnya peringkat penyelidikan dan perkembangan di sektor swasta serta perkembangan teknologi tinggi.
- Perkembangan sumber tenaga manusia dan penggunaannya.
- Pengenalan teknologi baru dan yang baru muncul dan pemupukan kesedaran dan pemahaman orang ramai terhadap teknologi-teknologi ini.
- Hubungan dan mekanisme bagi bertindak balas antara industri, universiti, institusi penyelidikan, usahawan dan kerajaan.
- Perkembangan Polisi Sains dan Teknologi.
- Pemindahan Teknologi.

Beberapa kegiatan lain seperti Sarkas Sains dan forum

televisyen yang bertujuan memfokuskan tokoh utama dan ahli-ahli sains di dalam persidangan akan dirakamkan dan disebarkan ke negara-negara ASEAN melalui media masa. Persidangan ini akan memberikan peluang bagi ahli-ahli sains untuk bertukar kepakaran di dalam berbagai bidang sains dan teknologi di samping mendengar ucapan-ucapan dari ahli-ahli sains dan tokoh-tokoh terkemuka dari ASEAN.

Ontario Science Centre telah menyatakan minatnya untuk mempamerkan pertunjukan serentak dengan Minggu Sains dan Teknologi ASEAN Pertama. Pertunjukan ini akan menarik minat generasi muda dan orang ramai keseluruhannya dalam usaha-usaha mempopularkan sains dan teknologi.

Peserta-peserta yang akan mengambil bahagian di dalam Minggu Sains dan Teknologi ASEAN Pertama nanti adalah seperti berikut:

• Menteri-menteri ASEAN yang bertanggungjawab bagi Sains dan Teknologi dan ahli-ahli sains yang ternama.

• Ahli-ahli sains dan rakan dialog ASEAN.

• Kakitangan dari sektor profesional dan perindustrian.

• Kakitangan dari pertubuhan antarabangsa.

• Ahli-ahli sains dan kakitangan dari Jawatankuasa-Jawatankuasa ASEAN.

Tempat yang telah dipilih ialah Putra World Trade Centre Kuala Lumpur dan sebarang pertanyaan bolehlah dialamatkan kepada Jawatankuasa Pengelola, Minggu Sains dan Teknologi ASEAN Pertama, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kuala Lumpur (Untuk Perhatian: Dr. A. Zaharudin Idrus) atau di negara-negara ASEAN lain seperti berikut:

• Awang Ibrahim Haji Ali, Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, BRUNEI DARUSSALAM.

• Prof. Oei Ban Liang Institut Teknologi Bandung Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, INDONESIA.

• Prof. Dr. Quintin L. Kintanar, Deputy Director-General, National Science and Technology Authority, Bicutan, Taguig, Metro Manila, PHILIPPINES.

• Dr. Vincent Yip, Executive Director, Science Council of Singapore, 63, Block 1, Science Park Drive, Singapore Science Park, SINGAPORE 0511.

• Prof. Prida Wibulswas, King Mongkut's Institute of Technology, Thonburi/Ministry of Science, Technology and Energy, Bangkok 10140, THAILAND.



'BRUNEI DARUSSALAM' mula diterbitkan

Jabatan Penerangan telah menerbitkan 'newsletter' dalam bahasa Inggeris yang dipanggil sebagai BRUNEI DARUSSALAM. Edisi pertamanya terbit pada bulan Oktober 1985 ini yang antara isi kandungannya termasuklah pembukaan rasmi Pusat Dakwah Islamiyah.

BRUNEI DARUSSALAM diterbitkan sebulan sekali bertujuan bagi lebih memperkenalkan sosio-ekonomi dan sosio-politik negara ini kepada masyarakat antarabangsa yang tidak berkesempatan membaca

PELITA BRUNEI yang berbahasa Melayu.

BRUNEI DARUSSALAM mempunyai dua belas muka surat ini diedarkan kepada semua Suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan Brunei Darussalam di luar negeri, kementerian-kementerian negara ini, jabatan-jabatan kerajaan serta Suruhanjaya Tinggi dan Kedutaan-Kedutaan serta Perwakilan Asing di negara ini dan lain-lainnya.

Buat langkah permulaan BRUNEI DARUSSALAM diterbitkan sejumlah 5,000 naskah setiap keluaran.

NILAI DAN UKUR PERBUATAN MENURUT SYARAK

BERTAKWALAH ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Di dalam Al-Quran Surah Al-Maidah ayat 100, Allah berfirman tafsirnya:

"Katakanlah olehmu wahai Nabi Muhammad yang buruk dan yang baik itu tidaklah sama, sekalipun engkau terarah kerana melihat banyaknya yang buruk itu. Oleh itu patahlah kamu kepada Allah wahai orang-orang yang mengerti supaya kamu beroleh keberuntungan."

Menurut setengah riwayat, ayat ini diwahyukan Allah kepada Rasul-Nya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ketika Baginda sedang memikirkan-mikirkan betapa bilangan orang-orang Islam sangat sedikit dan harta kekayaan mereka pun sedikit sedang di pihak lain iaitu di pihak orang-orang kafir mereka itu ramai bilangannya dan banyak pula kekayaannya.

Maka firman Allah tadi adalah bermaksudkan supaya dalam memikirkan hal itu Baginda janganlah terpedaya dan melupakan hakikat bahawa perkara yang baik tidaklah sama dengan perkara yang jahat atau buruk, sekalipun kejahatan atau

keburukan itu lebih banyak dari kebaikan sehingga seolah-olah menjadikan hati tertarik melihat. Namun janganlah dituruti tarikan itu dengan sangkaan dan harapan akan beroleh keberuntungan daripadanya, tetapi sebaliknya hendaklah sentiasa bertakwa kepada Allah, kerana takwa dalam diri kata memelihara diri daripada kejahatan itu jaminan yang tertulen bagi beroleh keberuntungan yang sebenar-benarnya.

Peringatan-peringatan yang terkandung di dalam firman tadi tidak syak lagi adalah ditujukan kepada sekalian umat Islam, bahawa:

Pertama: Hendaklah kita sentiasa meneliti dan bijaksana dalam membekalkan antara perkara-perkara yang baik dan perkara yang buruk.

Kedua: Janganlah kita terpengaruh menuruti perkara-perkara yang jahat sekalipun ia telah banyak dan ramai yang melakukannya.

Ketiga: Bukanlah kejahatan itu jaminan tulen bagi keber-

untungan sebenar sekalipun didapati orang yang melakukannya kelihatan senang dan bahagia kerana satu-satunya jaminan untuk beroleh keberuntungan yang sebenar ialah dengan cara bertakwa iaitu memelihara diri daripada kejahatan.

Bagi menentukan sesuatu perkara itu baik atau buruk maka adalah ditetapkan ukuran syarak iaitu sesuatu itu diukur dan dinilai berdasarkan syarak dan bukanlah semata-mata berdasarkan pertimbangan akal fikiran ataupun kelaziman-kelaziman.

Maka dalam hubungan firman Allah tadi, bukanlah semata-mata ramai jumlah bilangan serta banyak harta bagi sesuatu golongan itu sudah bererti golongan tersebut berada di pihak yang berkebaikan serta mewakili nilai-nilai yang baik dan patut menjadi iktiran, kerana jumlah ramai sahaja dengan tidak mempunyai pegangan hidup dan keagamaan yang betul nescaya tidak akan sempurna. Dan begitulah juga dalam perkara harta

sekali pun berharta banyak yang lazimnya boleh memberi kesenangan-kesenangan namun kiranya tidak dapat dan dipergunakan secara yang betul menurut syarak nescaya juga akan merosakkan di dalam banyak segi. Tegasnya, bukanlah bilangan ramai dan banyak harta itu semata-mata merupakan jaminan yang tulen bagi memperoleh keberuntungan kecuali semuanya itu disertai dengan pegangan serta amalan-amalan yang lurus menurut ukuran-ukuran syarak.

Dalam hubungan kehidupan sekarang boleh jadi ada orang yang terkeliru setelah mendapati kemunduran umat Islam dalam berbagai-bagai lapangan lalu membuat kesimpulan bahawa tidak ada nilai-nilai yang baik yang dapat menebus kemunduran itu melainkan menurut serta mengikut sepenuhnya jejak langkah umat umat lain yang dikatakan telah maju.

Andainya ada orang yang terkeliru sedemikian itu, kita berharap mudah-mudahanlah mereka sebelum terlanjur terlebih jauh akan menilik dan meneliti nilai-nilai baik dan buruk mengikut ukuran-ukuran syarak kerana apa pun yang



disebut kemajuan yang dicapai oleh setengah-setengah umat sekarang ini semuanya itu belum pasti bererti baik dan menjamin keberuntungan hidup jika ia ditegakkan pada asas dan dilengkapi dengan kelengkapan yang tidak sempurna.

Ke arah pegangan hidup dan keagamaan yang betul itulah kita sepatutnya sentiasa

berhati-hati dalam hubungan pembangunan sekarang dan ia mustahak diutamakan kerana selaku orang Islam kita hendaknya penuh berkeyakinan. Pegangan hidup dan keagamaan yang betul itulah satu-satunya penawar yang berkesan pada menjamin keselamatan kita di dunia dan kesejahteraan kita di akhirat iaitu yang juga dikatakan sebagai keberuntungan yang sebenar di sisi Allah Subhanahu Wataala.

Menuju keredaan Allah

LIDAH tidak bertulang. Maka itu apa sahaja yang diucapkan olehnya akan keluar tanpa berhenti selagi orang yang mempunyai lidah itu mahu bercakap. Percakapan tidak terbatas sama ada dalam bidang kebajikan atau sebaliknya, semuanya boleh keluar selagi keinginan untuk bercakap itu ada dan selagi hidup. Hanya yang dapat menimbang dan menetapkan setiap percakapan itu sama ada baik, buruk, berkebaikan atau sebaliknya adalah akal manusia itu sendiri, iaitu akal yang waras dapat membina fikiran yang sihat dalam berpandukan hukum-hukum dan perundangan, baik hukum agama, akal, adat mahupun negara. Tetapi dalam kehidupan dewasa ini percakapan tidak terbatas, ada-ada sahaja bahan yang mahu diperkatakan baik di kedai-kedai kopi, pasar, di majlis-majlis perjumpaan dan sebagainya.

Dalam hal sedemikian banyaklah manusia-manusia yang pincar bercakap seolah-olah menunjukkan kebolehan atau perasmiannya walaupun pada sebaliknya apa yang diperkatakan itu bertentangan pada hukum dan kenyataan yang sebenarnya, kerana baginya

menganggap bahawa dirinya itulah sahaja yang benar. Dari sini timbulah apa yang dinamakan sifat pengaruh mempengaruhi, di mana ada orang yang akan terpesona dan tertarik kepada orang yang pandai dan pira ber tutur kata, disebabkan pada pandangan mereka ianya orang yang berkepercayaan dan berkedudukan; padahal apa yang harus kita ambil kira adalah bahawa kita wajib mempertimbangkannya semula dengan berpandukan bahawa "sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa paras dan harta kamu, tetapi ia melihat hati dan amal pekerjaan kamu." Hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Abu Hurairah.

Maka itu adalah perlu bagi kita menimbang semula segala apa yang akan kita luahkan atau kurapkan itu nanti, jangan sampai ianya akan menyakit hati orang lain, kerana apabila cakap sudah terkeluar adalah amat sukar untuk ditarik balik, bukannya "terlajak perahu boleh diundur tapi terlajak kata buruk padahnya." Kita tidak menyedari bahawa separuh perkataan yang bermakna luhur kadang boleh mendaratkan rasa pedih di hati orang lain lebih pedih dari luka tergores pedang yang tajam, begitulah tajamnya lidah manusia yang boleh berkata-kata tadi. Jika kita bertujuan bagi menjadi manusia yang sempurna keimanannya sebagai seorang mukmin, apa yang kita harus

jaga adalah percakapan itu sendiri, kerana bukanlah percakapan atau perkataan yang sia-sia dan keburukan, memang adalah disedari bahawa mengawal lidah itu amatlah sukar, kerana semakin tinggi ilmu seseorang itu semakin banyak perkataan-perkataan yang diperolehinya dan terpolanglah kepada manusia itu sendiri mentadbirkannya dengan menggunakan akal dan berpandukan hukum-hukum seperti yang disebutkan tadi.

Begitulah Islam sebagai agama yang lengkap, mengambil berat akan setiap tingkah laku penganutnya bukan hanya setakat seperti setengah golongan lain menganggap bahawa agama Islam itu hanya sekadar berkisar dengan mengucap dua kalimah syahadat, sembahyang, zakat dan naik haji sahaja. Tapi seluruh kehidupan manusia itu sendiri sejak ia lahir hingga matinya bahkan tentang kejadiannya sekali termaklud dalam agama, dari itu tidaklah hairan kalau setiap anggota tubuh badan manusia itu diambil berat penjagaan dan penggunaannya oleh agama Islam kerana ia adalah kepunyaan Allah dan manusia itu hanya diamanahkan dan dipinjakan baginya. Dan salah satu anggota tubuh badan manusia itu tadi adalah lidah, bentuknya kecil lembur dan sentiasa basah tetapi muslihat dan pengaruhnya besar, ia

boleh baik dan boleh jadi jahat, maka memandang hal inilah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam selaku utusan Allah telah mengingatkan kita umatnya pada sabdanya: "Pelihaalah baik-baik lidahmu dan hendaklah rumahtanggamu menyenangkan hatimu dan sesalilah kesalahannya," diriwayatkan oleh At-Tarmizi.

Maka itu dalam pergolakan dunia dewasa ini, umat Islam perlulah mengukuhkan perpaduan dan kesatuan ummatnya, agar menjadi satu golongan umat yang digalati oleh golongan umat-umat lain, kita tidak ingin perpecahan akan timbul sesama kita, pertikaian dan peperangan sesama Islam, di mana terlalu banyak cakap yang tidak bermanfaat dan berkepentingan akan menguntungkan musuh-musuh Islam sendiri yang tidak kita sedari, yang akhirnya kita sendiri juga yang rugi. Maka dengan itu biarlah pokok percakapan dan kalimat yang diluahkan merupakan jalan menuju kebaikan, yang membina dan bermanfaat walaun di mana sahaja, kerana setiap kalimat dan percakapan berkebaikan adalah merupakan dakwah ke arah menegakkan Islam itu sendiri. Allah berfirman dalam surah Ibrahim ayat 24 kira-kira bermaksud: "Tidaklah kamu perhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan kalimat yang baik

seperti pohon yang baik; akarnya teguh dan cabangnya (menjulang) ke langit." Sementara di dalam ayat 26 pula: "Dan perumpamaan kalimat yang buruk seperti pohon yang buruk, yang telah dicabut dengan akar-akarnya dari permukaan bumi, tidak dapat tetap (tegak) sedikit pun," yang dimaksudkan dalam ayat Al-Quran mengenai kalimat baik dan buruk, salah sebuah "Al-Quran dan Maknanya" menafsirkan bahawa 'kalimat yang baik' ialah kalimat Tauhid, segala ucapan yang menyeru kepada kebajikan dan mencegah dari kemungkaran serta perbuatan yang baik. Termasuk dalam

'kalimat yang buruk' ialah kalimat kufur, syirik, segala perkataan yang tidak benar dan perbuatan yang tidak baik. Akhirnya kita berbaliklah kepada apa yang telah ditetapkan oleh agama kepada kita bukan apa yang kita tetapkan kepada agama itu sendiri di samping dengan menghindarkan: "Janganlah kamu banyak cakap dengan tidak mengingat Allah. Sesungguhnya banyak cakap sedemikian itu akan menjadikan keras hati. Dan sesungguhnya orang yang paling jauh dari mendapat keredaan Allah ialah orang yang keras hati." Hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat At-Tarmizi.

Memeluk agama Islam

SERIA. — Tiga orang dari keluarga Iban telah memeluk agama Islam dalam satu majlis yang berlangsung pada 29 September lepas di Kampong Keluyoh, Sungai Liang di sini.

Norlia Ak. Lai berusia 22 tahun kini memilih nama Islahnya sebagai Siti Noor Lailawati binti Abdullah, Mergi Ak. Lai berusia 17 tahun memilih nama Islahnya sebagai Muhammad Wardi bin Abdullah, manakala Emran Ak. Lai yang berusia 13 tahun kini dikenali sebagai Muhammad Emran bin Abdullah.

Mereka telah melafazkan ikrar Islam di hadapan Awang Mohammad bin Haji

Mamit, Awang Isnin bin Ibrahim dan Dayang Hajjah Zainab binti Abdullah.

Sementara itu, di Surau Brunei Hall di London telah berlangsung satu majlis pengislaman bagi seorang wanita Portugal.

Paula Anfenso yang kini dikenali sebagai Dayang Noor Feazah binti Abdullah melafazkan ikrar Islahnya di hadapan Ustaz Johari bin Haji Kamis, Pegawai Agama di United Kingdom. Majlis berlangsung pada pertengahan bulan lepas telah dihadiri oleh beberapa orang pegawai pegawai Kerajaan dan penuntut-penuntut Brunei yang berada di United Kingdom.

KETIDAPAN BEKALAN AIR KEPADA KAWASAN MERAH



BEKALAN AIR DIPOTONG SELAMA 30 JAM HARI INI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sebahagian besar kawasan di Daerah Brunei-Muara tidak akan mempunyai bekalan air selama 30 jam, hari ini dan esok. Pemotongan itu bermula dari jam 7.00 pagi ini sehingga esok.

Kawasan-kawasan yang terlibat ialah Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Jalan Muara dan kawasan yang berdekatan dengannya.

Kawasan yang bertanda hitam dalam rajah di atas menunjukkan kawasan-kawasan yang tidak mendapat bekalan air.

Menurut Jabatan Kerja Raya, pemotongan air itu adalah perlu bagi memudahkan kerja-kerja penyambungan paip 36 inci yang terlibat dalam pembinaan jambatan baru di Batu 9½, Jalan Tutong.

Pemotongan itu tidak dapat dielakkan dan sebarang gangguan adalah sangat-sangat dikesalkan.

Melesen kapal mula 1 Januari

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemilik kapal yang digunakan di dalam perairan Negara Brunei Darussalam adalah dimaklumkan bahawa perlesenan kapal-kapal di-jangka akan dimulakan pada 1 Januari 1986 depan.

Oleh yang demikian pemilik kapal adalah dinasihatkan supaya mula melengkapkan kapal-kapal mereka dengan alat kelengkapan yang diperlukan bagi membolehkan kapal-kapal mereka dilesenkan. Sementara makluman lanjut mengenai alat perkapalan tersebut boleh diketahu dari Pejabat Perkapalan Jabatan Laut di sini.

Di antara jenis-jenis kapal yang akan dilesenkan ialah kapal membawa barang, kapal penumpang (termasuk bot penambang), kapal nelayan, kapal tangki minyak, kapal tunda dan kapal-kapal pelesenan yang mempunyai muatan jumlah kasar tidak lebih 100 tan dan digunakan dalam perairan Negara Brunei Darussalam sahaja.

Kapal-kapal tersebut nanti akan dilesenkan mengikut giliran, bermula dengan kapal-kapal Jabatan Jabatan Kerajaan dan diikuti dengan kapal-kapal yang dimiliki oleh orang-orang perseendirian atau syarikat-syarikat dari setiap daerah. Manakala borang-borang permohonan untuk mendapat lesen berkenaan akan diedarkan tidak berapa lama lagi.



AWANG Lok Bahadur Thata ketika menyampaikan derma berupa mainan dan alat latihan kepada Doktor Pakar Penyakit Kanak-Kanak Dr. Thet Nwe yang berlangsung di Taman Permainan Kanak-Kanak Cacat. — Gambar oleh Ak. Abu Bakar.

Sumbangan kutipan derma

KUALA BELAIT. — Satu majlis penyampaian derma kepada kanak-kanak cacat di seluruh negara telah berlangsung di Taman Permainan Kanak-Kanak di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di sini pada hari Isnin lepas.

Derma yang berupa mainan dan alat alat latihan itu telah disampaikan oleh Awang Lok Bahadur Thata kepada Doktor Pakar Penyakit Kanak-Kanak Dr. Thet Nwe dengan disaksikan oleh beberapa orang pegawai-pegawai kanan Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan juga daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Sumbangan derma tersebut adalah sebahagian daripada

hasil kutipan amal berjalan kaki jarak jauh dari Kuala Belait ke Bandar Seri Begawan oleh seramai 15 orang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Unit Simpanan Gurkha baru-baru ini.

Sudut Sastera akan diperkenalkan

Dalam usaha kita untuk sama berperanan meningkatkan mutu sastera budaya tanahair maka Pelita Brunei akan mengadakan ruangan sastera yang nanti akan diisi dengan karya kreatif yang berupa cerpen, sajak, rencana sastera, esei budaya dan lain-lain yang

berhubung dengan kegiatan kebudayaan pada umumnya.

Rancangan ini hanya akan terlaksana dengan adanya kerjasama dari penulis-penulis tanahair dengan cara menyumbangkan bahan-bahan seperti cerpen, sajak, rencana sastera, esei budaya

dan lain-lain yang berhubung dengan kegiatan kebudayaan pada umumnya seberapa segera yang boleh.

Setiap sumbangan karya kreatif yang diterbitkan dalam ruangan sastera ini akan dibayar saguhati (honorarium) yang ditetapkan

oleh jabatan ini.

Sumbangan penulis-penulis tanahair sangat-sangat dialu-alukan dan alamatkan kepada:

Pengelola Ruangan Sastera Pelita Brunei, Jabatan Penerangan, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

MAJLIS KESYUKURAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN

TUTONG. — Majlis kesyukuran sempena sambutan hari keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-39 tahun telah berlangsung di Dewan Kemasyarakatan di sini pada hari Ahad lepas.

Awang Abd. Aziz bin Mohammad, Pegawai Daerah Tutong, juga selaku Pengerusi Tertinggi Jawatankuasa Perayaan di daerah itu telah menyampaikan ucapan terima kasihnya kepada semua pihak yang terlibat memberikan kerjasama dalam menjayakan acara-acara perayaan di sini sejak 20 Julai lalu.

Katanya, kerjasama yang diberikan itu diharapkan akan dijadikan amalan dalam mendukung aspirasi negara serta menghayati konsep negara Melayu Islam Beraja yang diamalkan di negara ini.

"Kami semua berharap semoga sumbangan kerjasama yang diberikan itu akan dijadikan amalan dalam mendukung aspirasi negara serta menghayati konsep negara Melayu Islam Beraja yang telah pun wujud dalam kehidupan kita iaitu sentiasa mentaati kepada raja, mematuhi segala peraturan dan undang-undang negara sejak zaman-berzaman."

Majlis itu juga diselenggarakan dengan penyampaian sijil-sijil penghargaan kepada ahli-ahli jawatankuasa perayaan di daerah ini serta penyampaian hadiah-hadiah kepada enam orang pelajar terbaik dari

Sekolah Menengah Sufri Bolkiah dan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim di sini, yang telah disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Haji Mohd. Ali bin Haji Md. Daud iaitu tetamu kehormat di majlis tersebut.

Antara aturcara majlis pada hari itu telah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang telah dibacakan oleh Awang Junaidi bin Haji Sabtu dan seterusnya diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Majlis, Awang Kassim bin

Metali, Penolong Pegawai Daerah Tutong.

Lebih 300 orang hadir di majlis tersebut termasuk Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abd. Rahim selaku Penanggu Jawatankuasa Perayaan Daerah Tutong, serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung serta ahli-ahli jawatankuasa perayaan di sini.



SALAH seorang daripada Ahli Jawatankuasa Tertinggi Perayaan ketika menerima sijil penghargaan yang telah disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Haji Mohd. Ali bin Haji Md. Daud. — Gambar oleh Haji Ahim.

Kerja sambilan menambang perlu mendapat kebenaran

BANDAR SERI BEGAWAN.

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bahawa Baginda tidak ada halangan supaya kakitangan-kakitangan Kerajaan Baginda yang membeli bot-bot melalui Skim Pinjaman Kerajaan Baginda dibolehkan bagi menjalankan kerja sambilan menambang dengan syarat-syarat yang tertentu.

Kakitangan yang ingin menjalankan kerja sambilan menambang ini hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran dari Ketua Jabatan masing-masing dan dipersyartatkan dalam lesen mereka untuk menambang selepas jam 4.30 petang sahaja pada hari-hari mereka bekerja, dan pada hari-hari kelepasan

awam.

Hal ini dimaklumkan adalah memandangkan pada masa ini sebilangan kakitangan-kakitangan Kerajaan mempunyai bot-bot yang dibeli melalui Skim Pinjaman Kerajaan bagi kegunaan pergi balik dari rumah ke pejabat.

Dengan yang demikian Jabatan Laut telah merancang bagi melesen kapal-kapal (termasuklah perahu-perahu motor sangkut dan

perahu tambang) yang mana pada dasarnya bot-bot itu akan dilesen bagi kegunaan pelesenan sahaja.

Dari itu mana-mana kakitangan di kementerian atau pejabat-pejabat yang ingin menjalankan kerja sambilan menambang dikehendaki mendapatkan borang permohonan khas dari Jabatan Laut bagi mendapatkan kebenaran dari Ketua-ketua Jabatan.

Dilarang pemunggahan di sini

JABATAN Pelabuhan-Pelabuhan, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam memaklumkan kepada orang ramai khususnya pekapal-pekapal dan nelayan-nelayan supaya tidak melakukan sebarang kegiatan perdagangan,

pemunggahan ikan dan sebagainya di Jeti Queen, di Kampung Datu Gandi, Jalan Kota Batu. Jeti Queen ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri dan dari itu kebersahannya adalah perlu diawasi supaya jeti itu sesuai untuk dilawati sebagai tempat peranginan.

KURSUS DI UBD TIDAK HARUS DIRAGUKAN

GADONG. — Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong menekankan bahawa tiada harus wujud satu keraguan di kalangan mahasiswa mengenai kursus-kursus yang akan dilaksanakan di Universiti Brunei Darussalam.

Beliau menjelaskan, ini adalah kerana universiti yang akan wujud dan akan memulakan kursusnya sedikit masa lagi tidaklah bersendirian dalam urusan pengendaliannya, malah mendapat bantuan dan kerjasama dari universiti di United Kingdom dan dua buah universiti di Semenanjung, dalam tempoh kursus dijalankan dari semasa ke semasa.

"Bagi setengah-setengah kursus kita mempunyai pertalian dan hubungan dengan universiti di luar negeri, iaitu Universiti of Leeds, Cardiff dan Wales dan kita juga mempunyai kerjasama dari universiti di Semenanjung, iaitu Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia," jelasnya.

Pengarah Pelajaran itu menjelaskan perkara ini di Majlis Taklimat bagi bakal-bakal mahasiswa pertama Universiti Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Jubli Perak, Institut Pendidikan Sultan Hassanah Bolkih di sini pada pagi Rabu lepas.

Awang Haji Abu Bakar seterusnya berkata, para mahasiswa sepatutnya merasa bangga kerana menjadi mahasiswa pertama bagi Universiti Brunei Darussalam, di mana kejayaan taraf pendidikan dan penubuhannya nanti adalah terletak di tangan mereka.

Dalam majlis yang berlangsung hari itu, Awang Haji Abu Bakar juga telah menerangkan mengenai acara-acara orientasi yang akan bermula pada 28 Oktober ini, dengan majlis yang dinamakan Majlis Memulakan Kursus pada jam 9.00 pagi. Antara yang akan diadakan ialah Individual Counseling, orientasi kepada perpustakaan, pendaftaran kursus, Ujian Bahasa Inggeris yang bertujuan bagi menentukan tahap bahasa Inggeris

Oleh Aisah Pice

Gambar oleh Ak Abu Bakar PHO.

para mahasiswa dan ramah mesra antara pensyarah dan penuntut.

Penerangan-penerangan lain mengenai kemudahan bagi mahasiswa-mahasiswa dan juga mengenai kursus-kursus yang akan disediakan juga telah diberikan pada hari tersebut. Majlis Taklimat hari itu telah dihadiri oleh beberapa orang Pegawai Kanan di Jabatan Pelajaran, termasuk Timbalan Pengarah Pelajaran, Ustaz Awang Hj. Abd. Saman bin Kahar.

"Universiti yang akan wujud dan akan memulakan kursusnya tidaklah bersendirian"

— Pengarah Pelajaran

Ramai sokong penubuhan UBD

WUJUDNYA Universiti Brunei Darussalam di negara ini sendiri sekurang-kurangnya akan mengurangkan masalah berjauhan dengan keluarga sebilangan mahasiswa. Kerana apa yang juga difikirkan penting selain dari mempunyai pendidikan tinggi ialah perhatian kepada keluarga masing-masing, iaitu bagi mereka yang sudah berumah tangga dan mempunyai tanggungan.

Awang Haji Samat bin Haji Jamahat, seorang guru dari Sekolah Menengah Berakas yang menjadi salah seorang mahasiswa Universiti Brunei Darussalam melahirkan rasa gembira kerana tertubuhnya sebuah universiti di negara ini sendiri.

"Dengan adanya universiti ini, tidak akan timbul masalah berjauhan dengan keluarga, terutama bagi saya yang sudah berkeluarga. Kerana apa yang juga dianggap penting selain dari meninggalkan taraf pendidikan ialah mengambil kira kepentingan keluarga kita sendiri," ujar Awang Haji Samat ketika ditemui baru-baru ini.

Ini, jelasnya, termasuklah masalah menghantar anak-anak ke sekolah dan mengambil mereka pulang, yang menjadi kewajipan kebanyakan ibu bapa. Awang Haji Samat yang menjadi pendidik sejak

tahun 1978, akan mengikuti kursus Sosial Sains selama empat tahun di universiti itu. Beliau menambah, sebagai guru perlulah ada kesedaran diri sendiri untuk meningkatkan lagi taraf pencapaian akademik yang bakal dicurahkan kepada anak-anak bangsa.

Salah seorang bakal mahasiswi, Dk. Kartini Pg. Haji Tahir melahirkan pendapat yang serupa. Tertubuhnya universiti di Brunei Darussalam sekurangnya akan mengurangkan masalah berjauhan dengan keluarga. Dia akan mengikuti kursus Economic and History di Faculty of Arts.

Berusia 19 tahun, Dk. Kartini yang baru lulus Sijil Tinggi Persekolahan tahun lepas berpendapat ini juga akan mengurangkan masalah kewangan di kalangan penuntut. Jika dibandingkan mengikuti kursus di seberang laut, di tempat yang jauh dari keluarga lebih membazirkan wang, kerana di sana para mahasiswa lebih banyak membelanjakan wang untuk bayaran tempat tinggal, kenderaan, makanan serta pakaian yang bersesuaian dengan keadaan cuaca.

Dalam pada itu, Dk. Kartini menyeru penuntut-penuntut tanahair supaya lebih bersedia mengikuti kursus-kursus di Universiti

Brunei Darussalam, bagi kursus yang boleh didapati di sini.

Sementara itu, Dk. Rohani Pg. Hj. Salleh yang akan mengikuti kursus Sosial Science selama empat tahun di universiti itu juga merasa gembira kerana terpilih sebagai mahasiswi pengambilan pertama. Beliau yakin bahawa di segi pelajaran, Universiti Brunei Darussalam adalah sama tarafnya dengan pendidikan di tempat lain. Kemudahannya di sini katanya, ialah kita tidak perlu meninggalkan keluarga, terutama ibu bapa yang sudah tua.

Berusia 22 tahun dan berkelulusan Sijil Tinggi Persekolahan tahun lepas, Dk. Rohani adalah bekas penuntut Sekolah Inggeris Perdana Wazir di Kuala Belait. Seperti yang lain, Dk. Rohani juga menyeru supaya lebih banyak yang memilih Universiti Brunei Darussalam dari tempat-tempat lain bagi kursus-kursus yang terdapat di Brunei ini sendiri.

Pihak Pelita Brunei juga sempat bertemuramah dengan Awang Bujang Jumat, pendidik dari Sekolah Rendah Kerajaan Pulaie, yang akan mengikuti kursus dalam mata-pelajaran Sejarah dan Ilmu Alam di universiti itu nanti.



PENGARAH Pelajaran Awang Haji Abu Bakar ketika memberikan penerangan.



Awang Haji Samat



Awang Bujang Jumat




Dk. Kartini



Dk. Rohani

Awang Bujang yang telah menjadi pendidik sejak tahun 1975 berkelulusan dari Maktab Perguruan Sultan Hassanah Bolkih yang kini dikenali sebagai Institut Pendidikan Sultan Hassanah

Bolkih. Beliau telah berumah tangga dan mempunyai seorang anak, serta melanjutkan dan meningkatkan taraf pencapaian akademiknya atas kesedaran diri sendiri.



SEBAHAGIAN dari mahasiswa yang menghadiri Majlis Taklimat pada hari tersebut.



PEGAWAI-Pegawai Kanan di Jabatan Pelajaran ketika sedang beramah-mesra dengan pensyarah-pensyarah yang akan berkhidmat di universiti itu nanti.

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 23 Oktober, 1985

PUSAT DAKWAH ISLAMIAH TERIMA KOMPUTER

PULAU. Pusat Dakwah Islamiah menerima sumbangan satu set komputer bagi kemudahan mempelajari Al-Quran dari Yayasan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Islam Thailand.

Sumbangan itu disampaikan oleh Pengarah Yayasan itu, Tuan Hamid Thirri Siamwala kepada Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim di Pusat Dakwah Islamiah pada 15 Oktober lepas.

Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama bagi pihak Kerajaan Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Jabatan Hal Ehwal Ugama mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak yayasan itu.

Katanya sumbangan itu merupakan satu jambatan yang kukuh antara saudara-saudara Islam di Thailand dan di negara ini.

"Saya rasa Pusat Dakwah Islamiah akan dapat mempergunakan komputer ini untuk menyebar luaskan pengetahuan Al-Quran di negara ini. Ciptaan komputer ini akan menolong kita dalam memperluaskan lagi pengetahuan mengenai Al-Quran kerana di dalamnya ada banyak perkara yang boleh kita ketahui, data-data, penyimpanan-penyimpanan mengenai Al-Quran dalam bahasa Inggeris, Arab dan Melayu," katanya.

Menurut Tuan Hamid Siamwala, 42, penciptaan komputer itu merupakan hasil dari penyelidikan selama tiga tahun.

"Idea untuk mencipta komputer yang boleh dimuatkan dengan kandungan Al-Quran ini mula difikirkan oleh ayah saya."

"Sejurus sebelum beliau meninggal dunia, beliau telah menyarankan agar kami dapat mengusahakan sesuatu untuk memudahkan pembelajaran Al-Quran," ujarnya.

Bersama abangnya, Tuan Amjad Siamwala, 44, mereka

membiayai sekumpulan kira-kira 15 pakar komputer untuk mencipta dan menghasilkan 'soft-ware' untuk komputer Al-Quran itu.

Wang untuk projek itu diperolehi daripada Yayasan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Islam Thailand yang ditubuhkan dari estafet peninggalan Allahyarham bapanya, Ahmad Delawar Siamwala.

Ibu mereka, Khunting (gelaran yang setaraf dengan Datin) Sangdao Siamwala atau nama Islamnya, Hajjah Zubaidah adalah Pengerusi yayasan itu.

Awang Hamid Siamwala di majlis penyampaian itu telah menunjukkan bagaimana komputer itu berfungsi.

Dengan menekan butang-butang tertentu, ayat-ayat atau surah-surah yang kita kehendaki akan terpapar di terminal komputer itu.


Dengan menekan butang kawalan yang lain pula, komputer itu akan mengeluarkan suara bacaan ayat-ayat yang terpapar tadi.

Ayat-ayat tadi boleh dipindahkan dalam bentuk tulisan pada kertas melalui 'teleprinter'.

Majlis penyerahan komputer itu telah dihadiri oleh sebahagian dari Lembaga Penasihat Pusat itu, pegawai-pegawai kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran dan Kesihatan dan guru-guru agama.



TUAN Hamid Siamwala menyampaikan sumbangan komputer kepada Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam disaksikan oleh Puan Hajjah Zubaidah Khunying Sangdao Siamwala, Pengerusi Yayasan Pembangunan Ekonomi dan Sosial Islam Thailand (atas), sementara gambar bawah menunjukkan Tuan Hamid Siamwala menunjukkan cara-cara menggunakan komputer berkenaan kepada Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama. — Gambar-gambar Ihsan Pusat Sejarah Brunei.



Buku Perangkaan

BANDAR SERI BEGAWAN.

Buku Perangkaan Perdagangan Luar Brunei bagi tahun 1985 dan 1984 dan Jadual-Jadual Rumusan Banci Penduduk 1981 yang diterbitkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Brunei Darussalam telah siap.

Buku Perangkaan Perdagangan Luar Brunei berharga \$20.00 dan Jadual-Jadual Rumusan Banci Penduduk Brunei berharga \$15.00.

Buku-buku tersebut boleh dibeli dari Jabatan Penerangan, Jalan MacArthur pada bila-bila masa waktu bekerja.

Murid-murid digesa tingkatan perhatian terhadap pelajaran

TUTONG. — Awang Abed bin Abd. Hamid, Pegawai Perhubungan Sekolah-Sekolah Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Syarikat Minyak Shell Sendirian Berhad menggesa murid-murid supaya meningkatkan usaha-usaha dan perhatian sepenuhnya terhadap pelajaran di samping melaksanakan mereka menggunakan peluang-peluang yang telah disediakan oleh pihak kerajaan.

Menurut beliau ini ialah kali kedua pihak Shell menyumbangkan hadiah kepada murid-murid sekolah agama seluruh negara di mana sebelumnya hadiah-hadiah seumpama ini hanyalah diberikan kepada murid-murid sekolah rendah kerajaan dan penuntut-penuntut sekolah menengah.

Berucap sebelum menyampaikan Hadiah Kepujian Shell bagi murid-murid Sekolah Agama Daerah Tutong dan Belait, beliau berharap semoga usaha-usaha sedemikian akan dapat memberikan galakan dan dorongan kepada murid-murid untuk berjaya di dalam bidang pelajaran mereka.

Majlis tersebut telah diadakan di Dewan Sekolah Agama Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain, Tutong. Seramai 68 orang murid baik dari 54 buah Sekolah

Agama Rendah Daerah Belait dan Tutong telah menerima hadiah tersebut.

Aurucara majlis pada pagi ini dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang telah disampaikan oleh Awang Khairuddin bin Abd. Rahman iaitu johan Pera-

duan membaca Al-Quran Murid-murid Kawasan Daerah Tutong pada tahun ini. Ini diikuti dengan ucapan dari Pengerusi Majlis iaitu Awang Haji Yahya bin Ahmad, Pegawai Pelajaran Agama Kanan, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.



SALAH seorang daripada murid sekolah agama rendah Daerah Tutong menerima hadiah kepujian Shell yang telah disampaikan oleh Awang Abed bin Abd. Hamid, Pegawai Perhubungan Sekolah-Sekolah, Jabatan Hal-Ehwal Ugama Syarikat Minyak Shell Brunei. — Gambar oleh Harun Rashid.

Perkhidmatan Perubatan ke pedalaman

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkhidmatan perubatan yang menggunakan pesawat helikopter ke kampung-kampung pedalaman akan diteruskan lagi bulan depan, November 1985.

Perkhidmatan perubatan tersebut akan berada di Kampong Sukang, Belait pada 4 November, di Kampong Belabau, Tutong pada 5

November dan pada 6 November 1985 rombongan tersebut akan berada di Kampong Melilas, Belait.

Pada 11, 12 dan 13 November 1985 perkhidmatan itu seterusnya akan berada di Kampong Supon Besar, Long Mayan dan Bukit di Daerah Tutong. Pada 18 dan 19 November perkhidmatan tersebut akan berada

semula di Daerah Belait iaitu di Kampong Teraja Apak-Apak dan Buau.

Seterusnya mereka akan berada di Kampong Benutan, Tutong pada 20 November dan di Kampong Mapol, Tutong pada 26 November 1985. Akhir sekali rombongan tersebut akan berada di Daerah Temburong iaitu di Kampong Lopat pada 27 November 1985.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 23 Okt. hingga 31 Okt. 1985

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Kerajaan Limau Manis	23.10.1985	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Kerajaan Penekalan Batu	23.10.1985	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Kerajaan Masin	23.10.1985	Rabu	11.00-12.00 t/hari
Di hadapan Sekolah Rendah Kerajaan Kupang	23.10.1985	Rabu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah Kerajaan Jerudong	26.10.1985	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	26.10.1985	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Kerajaan Sengkurong	26.10.1985	Sabtu	11.00-12.00 t/hari
Sekolah Agama Sengkurong	26.10.1985	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Rendah Kerajaan OKSB Ki'anas	26.10.1985	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Rendah Kerajaan Bendahara Sakam Bunut	26.10.1985	Sabtu	4.30- 5.30 "
Di hadapan rumah Penghulu Mukim Serasa Muara	27.10.1985	Ahad	9.00-10.00 pagi
Di kawasan rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara	27.10.1985	Ahad	10.15-11.15 "
Di hadapan Kedai Pekan Muara	27.10.1985	Ahad	11.30-12.00 t/hari
Sekolah Rendah Kerajaan Lumapas	28.10.1985	Isnin	9.30-10.30 pagi
Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah)	28.10.1985	Isnin	2.30- 3.00 petang
Sekolah Agama Kampong Perpindahan, Berakas	28.10.1985	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Rendah Kerajaan OKBI Subok	29.10.1985	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Kerajaan Dato Mahawangsa Lambak	29.10.1985	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Rendah Kerajaan Serasa	30.10.1985	Rabu	10.00-10.30 pagi
Sekolah Rendah Kerajaan Mentiri	30.10.1985	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Rendah Kerajaan Sultan Abdul Bubin Sungai Besar	30.10.1985	Rabu	11.30-12.00 t/hari
Sekolah Rendah Kerajaan Batu Marang	30.10.1985	Rabu	2.30- 3.30 petang
Sekolah Rendah Kerajaan Sungai Liang dan Lumut	31.10.1985	Khamis	10.00-11.00 pagi
Sekolah Meneraj Arab Lelaki Hassanah Bolkiah	31.10.1985	Khamis	2.30- 3.30 petang

PELITA BRUNEI, Hari Rabu 23 Oktober, 1985.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) PENYELENGGARA STOR TINGKAT II

(Di Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam)
(Bil.: 130/85-1)

Tanggungjawab: D. 2-3 EB. 4-5 — \$650-\$1625 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Calon-calon hendaklah lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya.
- ATAU
- Penyelenggara Stor Tingkat III yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan mempunyai Laporan Prestasi Kaki-tangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.
- Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang Ilmu Simpanan, Perakunaan atau Ilmu Hisab dan dalam Penyelenggaraan Stor dan Pembelian alat-alat.
- Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

2) PENYELIA HARTABENDA

(Di Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Kementerian, Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 130/85-2)

Tanggungjawab: D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Kelayakan dan Pengalaman:

Sekurang-kurangnya berumur 25 tahun dan lulus 4 mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding. Sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan penerbitan dan penyiaran adalah diperlukan.

Tugas-tugas:

- Menguruskan kakitangan dan kelengkapan-kelengkapan hartabenda untuk studio-studio TV atau rakaman luar, bagi pihak Ketua Peraka.
- Berupaya mendapatkan 'Quotations' bagi pembelian-pembelian atau perkhidmatan hartabenda jika dikehendaki demikian oleh Penerbit (Requisition Form atau Memo), dan memprosesnya bagi memperoleh bahan-bahan selalunya melalui Ketua Peraka kepada Pegawai yang membenarkan.
- Mengambil bahagian dalam mesyuarat perancangan sebelum penerbitan bila diperlukan.
- Mempasti inventory yang teratur ada tersimpan bagi semua stor-stor.
- Mengawasi dan melaksanakan aliran dan pemeliharaan hartabenda dengan cara efisien dan berkesan.
- Mencatat dan merekod semua bahan-bahan yang dikeluarkan. Juga meneliti selepas iniya digunakan dan dikembalikan. Melaporkan kepada Ketua Peraka bagi sebarang kehilangan atau kerosakan untuk makluman Penyelenggara Stor.

3) PENYAMBUK TETAMU KESIHATAN

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan)
(Bil.: 130/85-3)

Tanggungjawab: D. 1 EB. 2-3 — \$530-\$1125 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon mestilah terdiri dari wanita yang berumur di antara 18 hingga 25 tahun.
- Pemohon mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.
- ATAU
- Pemohon yang tidak mempunyai kelulusan di (b) (i) di atas mestilah mempunyai Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun dengan Kerajaan atau pihak swasta.
- Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang dapat menguasai dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

4) JURUTEKNIK X-RAY PERCUBAAN

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan) (Bil.: 130/85-4)
Tanggungjawab: M. 3-4-5 EB. 6 — \$570-\$1850 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun, bujang dan mestilah terus bujang sepanjang tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.

- Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- Keutamaan akan diberi kepada mereka yang berkelulusan tinggi dan boleh menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris.

Am:

Calon-calon yang berjaya dikehendaki menjalani latihan asas selama 3 tahun di dalam negeri. Pakaian seragam disediakan dan juga elaun dobi tiap-tiap bulan akan dibayar.

5) PEMBANTU PENYELIDIK

(Di Pejabat Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bil.: 130/85-5)

Tanggungjawab: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya satu mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya (tidak termasuk mata pelajaran Seni Lukis).
- Mempunyai bakat dan kecenderungan dalam kerja-kerja penyelidikan.
- Boleh menulis dan membaca jawi dengan baik.
- CHEF
- (Di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan) (Bil.: 130/85-6)

Tanggungjawab: D. 3 EB. 4 — \$900-\$1465 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

Pemohon-pemohon mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya City & Guilds 855/856 dalam kursus Penyelenggara Perumahan yang bersesuaian dari Sekolah atau Institusi Teknikal yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sekurang-kurangnya mempunyai 2 tahun pengalaman yang berkenaan dalam penyelenggaraan atau penyediaan makanan.

ATAU

Pemohon-pemohon mestilah terdiri dari Tukang Masak yang berkebolehan dan berpengalaman dalam kerjaya ini sekurang-kurangnya selama 8 tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- Menyediakan dan mengaturkan jadual kerja tukang-tukang masak.
- Menyediakan makanan pesakit mengikut kadar yang tertentu.
- Meninggikan mutu dan membuat resipi-resipi yang difikirkan perlu.
- Menentukan sukatan makanan yang betul dan mengelakkan pembaziran.
- Memeriksa makanan pesakit bagi catuan dan mutu makanan sebelum dihantar ke wad-wad pesakit.
- Mengawasi penggunaan perkakas dan pembahagian makanan dengan sempurna.
- Menjaga kebersihan makanan semasa penyediaan.
- Mengawasi kebersihan dapur supaya dalam keadaan yang sempurna dan teratur.
- Menentukan kebersihan dari segi pakaian dan diri pekerja-pekerja.
- Menerima dan menjalankan arahan-arahan yang diberikan oleh Pengurus Bekalan Makanan.

7) JURUGAMBAR PROSES TINGKAT II

(Di Jabatan Percetakan, Kementerian Undang-Undang)
(Bil.: 130/85-7)

Tanggungjawab: D. 1-2 EB. 3 — \$530-\$1125 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon-pemohon mestilah sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan 1 mata pelajaran Sains dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.
- ATAU
- Pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam mengendalikan Repro Kamera akan juga dipertimbangkan.
- Pengetahuan dalam kerja-kerja menyusun filem-filem dan kerja-kerja colour registration dan layout adalah menjadi satu kelebihan.

8) PEMBANTU MAKMAL

(Di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan)
(Bil.: 130/85-8)

Tanggungjawab: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- Pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 25 tahun.
- Pemohon mestilah mempunyai kelulusan dalam salah satu mata pelajaran sains dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.
- Pemohon yang mempunyai kelulusan Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya dan lulus dalam mata pelajaran sains serta mempunyai

pengalaman dalam bidang kerja ini boleh juga memohon untuk dipertimbangkan.

Am:

Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift). Calon-calon yang berjaya hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana saja di dalam Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan iklan yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat aukan dan siji-siji kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 7 November, 1985.

(E/2124/85)

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN PELAJARAN

KEMENTERIAN PELAJARAN DAN KESIHATAN

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang teletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 4 November, 1985 bagi tawaran:—

i) MEMBEKAL DAN MEMASANG ALAT P.A. SYSTEM UNTUK SEKOLAH MENENGAH SUFRI BOLKIAH, TUTONG.
BIL.: JP/43/1985
Cagar: \$150.00.

ii) MEMBEKAL DAN MEMASANG ALAT P.A. SYSTEM UNTUK SEKOLAH MENENGAH BERAKAS.
BIL.: JP/44/1985
Cagar: \$100.00.

iii) MEMBEKAL DAN MEMASANG ALAT P.A. SYSTEM UNTUK SEKOLAH SEKOLAH RENDAH KERAJAAN
BIL.: JP/45/1985
Cagar: \$100.00.

iv) MEMBEKAL DAN MEMASANG ALAT P.A. SYSTEM UNTUK SEKOLAH MENENGAH MENGAH MENG-LAIT.
BIL.: JP/46/1985
Cagar: \$150.00.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, bertulis dengan nama perkara yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemohon dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Pelajaran di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Waktu menerima Cagar Tawaran adalah seperti berikut:—

Isnin-Selasa:

8.00 pagi hingga 11.00 pagi
2.00 petang hingga 3.00 petang

Isnin dan Sabtu:

8.00 pagi hingga 10.00

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemohon yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL.: PPL/MTB/200/1985
TAWARAN-tawaran ada dipelawa dari Pemohon-pemohon Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.30 tengah hari, hari Rabu 30 Oktober, 1985 bagi kerja-kerja berikut:—

ELECTRICITY SUPPLY TO MIDWIFE CLINIC AT KAMPONG BELIM-BING, JALAN SUBOK.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) tawaran tersebut adalah \$100.00.



MESYUARAT bagi pembentukan Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Maulud Nabi Mohammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang dipengerusikan oleh Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, YDM Pehin Siraja Khatib Ustaz Awang Haji Yahya pada minggu lalu. — Gambar Ihsan Pusat Dakwah Islamiah.

Mesyuarat Sambutan Maulud Nabi Peringkat Negara

PULAI. — Mesyuarat bagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Seluruh Negara telah diadakan di Pusat Dakwah Islamiah pada 12 Oktober lepas.

Mesyuarat itu bertujuan melantik Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi bagi sambutan itu dan telah dipengerusikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri

Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama.

Hadir sama di majlis itu ialah Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abd. Hamid bin Bakal, Kadi Besar,

Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abd. Aziz bin Juned, Timbalan Kadi Besar, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Pengarah Penerangan, Penolong Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Pegawai-pegawai Daerah Brunei-Muara, Belait, Tutong dan Temburong, Kadi-Kadi Daerah, Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan dan pegawai-pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tahun ini akan diadakan serentak di seluruh negara pada 12 Rabiulawal 1406 bersamaan 25 November 1985.

DBP adakan Aktiviti Mingguan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengadakan aktiviti Mingguan di Bilik Aktiviti Perpustakaan Kanak-Kanak di Dewan Bahasa dan Pustaka di ibu negara dan di cawangan-nya di Daerah Tutong.

Aktiviti di Perpustakaan DBP di ibu negara ialah bercerita melalui slaid akan diadakan pada 27 Oktober dan 24 November. Sementara permainan dalam diadakan pada 3 November, masa bercerita pada 10 November, membaca rumi pada 1 Disember, membaca jawi pada 15 Disember dan bercerita melalui kaset pada

29 Disember. Kesemua aktiviti tersebut bermula pada jam 2.30 petang.

Sementara di cawangan-nya di Daerah Tutong akan diadakan peraduan melukis pada 2 November, mencari benda tersembunyi pada 23 November, masa bercerita pada 7 Disember dan permainan dalam pada 14 Disember dan akan bermula pada jam 2.00 petang.

Kepada kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah adalah dipersilakan hadir untuk mengikuti aktiviti-aktiviti tersebut pada tempat dan tarikh yang telah ditetapkan itu.

MAJIKAN DIMINTA HANTAR MAKLUMAT PEKERJA

Pesuruhjaya Buruh ingin menarik perhatian semua majikan di negara ini kepada kenyataan ini, iaitu mengikut kehendak Bab 3(1) Undang-Undang Maklumat Pekerjaan 1973, bahawa mereka adalah dengan ini dikehendaki menghantar kepada Pesuruhjaya Buruh, tidak lewat 27 November, 1985, Maklumat Pekerjaan mengikut kehendak borang benci yang akan dikirimkan kepada mereka sebelum penghujung bulan (Oktober, 1985). Mana-mana

majikan yang belum menerima borang benci pada penghujung bulan Oktober itu adalah dikehendaki untuk menghubungi Pejabat Pesuruhjaya Buruh, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam untuk mendapatkannya.

Kenyataan ini tidak dikenakan kepada majikan yang mengambil pekerja semata-mata untuk tujuan perkhidmatan-perkhidmatan rumah tangga.

Lawatan Ahli Jawatankuasa Perumahan Pulau Pinang

BERAKAS. — Tiga orang ahli Jawatankuasa Perumahan Pulau Pinang, Malaysia telah mengadakan lawatan muhibah ke Jabatan Kemajuan Perumahan di sini pada pagi Sabtu lepas.

Rombongan itu diketuai oleh Dr. Ong Hean Tee, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Pulau Pinang.

Semasa di jabatan itu, mereka telah diberi taklimat ringkas mengenai struktur pentadbiran jabatan itu oleh Awang Haji Othman bin Haji Yaakub, Pengarah Jabatan Kemajuan Perumahan dan mengenai perkembangan projek perumahan yang ada sekarang oleh Timbalannya, Awang Ibrahim bin Haji Karim.

Mereka berada di negara ini selama sehari dan berkesempatan juga melawat ke Kementerian Pembangunan.

Rombongan yang diiringi oleh Setiausaha Pertama, Suruhjaya Tinggi Malaysia ke negara ini, Awang Ashaary

ASEAN kekalkan kemantapan dan kemakmuran

Dari muka 1

lagi berdaulat sebanding dengan negara-negara yang merdeka baik yang besar mahupun yang kecil.

"Akan tetapi kedudukan kami di suatu kawasan yang terdedah kepada perselisihan dan pergolakan dan di tengah negara-negara jiran yang besar dan penduduk ramai, Brunei Darussalam akan sentiasa insaf tentang kedudukan yang rapuh ini," titah Baginda.

Kenyataan ini dan ditambah dengan pengalaman di tahun 1962 serta konflik-konflik yang berlaku di merata dunia pada waktu ini, tegas baginda, mengingatkan Brunei Darussalam pada kenyataan bahawa sesebuah negara itu tidak sama keupayaan mereka untuk mempertahankan keamanan serta keutuhan wilayah masing-masing.

Kerana itu, titah Baginda, Brunei Darussalam dengan tegas menyatakan persetujuan menamatkan perlindungan British, kalau saja di masa akan datang ada jaminan memuaskan yang Britain akan terus membantu dalam perkara-perkara yang mustahak, termasuk latihan pegawai-pegawai polis dan tentera.

Bertitah di persidangan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah menyentuh mengenai kemasukan Brunei Darussalam ke dalam masyarakat antarabangsa, seperti menganggotai pertubuhan ASEAN yang mana kemasukan itu telah dialukan oleh negara-negara anggota.

ASEAN, titah Baginda lagi, bukanlah suatu perjanjian tentera, tetapi suatu pertubuhan yang mengutamakan kerjasama dalam bidang-bidang ekonomi, sosial, dan kebudayaan di mana Brunei Darussalam bekerjasama secara bersepadu dalam hal-hal yang merupakan kepentingan bersama melalui hubungan bersemuka, yang mana telah mengembangkan perhubungan yang membolehkan mencapai persefahaman dalam pandangan dan pendapat masing-masing, termasuk perasaan sensitiviti.

"Brunei Darussalam menganggotai ASEAN kerana kami percaya, dan masih mempercayainya, bahawa pertubuhan ini boleh memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan kemantapan, kemakmuran

dan perpaduan rantau kami, yang mana lebih besar akan menolong kemantapan serta kemakmuran Brunei yang berterusan," titah Baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga telah menyebut kenyataan berhubung dengan pengalaman Brunei Darussalam sebagai sebuah negara kecil, dengan harapan agar negara-negara besar akan memperoleh fahaman agar negara-negara besar akan memperoleh fahaman yang lebih baik tentang keperluan negara-negara kecil terhadap jaminan keamanan mereka dan keperluan pertolongan praktikal bagi memungkinkan mereka menghadapi masa depan dengan penuh keyakinan. (Titah sepenuh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan disiarkan di muka 3).

Komanwel: Kemasukan Brunei dialu-alukan

Dari muka 1

memberikan pandangan dan prespektif dalam menyelesaikan beberapa isu yang dihadapi oleh Pertubuhan Komanwel masa depan.

Lain-lain pemimpin Negara Komanwel yang berucap di pembukaan rasmi pada hari itu termasuklah Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri

Malaysia; YAB Tuan Rajiv Ghandi, Perdana Menteri India dan YAB, Tuan Robert J.L. Hawke Perdana Menteri Australia.

Menurut sumber rasmi pusat akhbar mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) menjelaskan bahawa kira-kira 50 orang Menteri dari negara-negara Komanwel menghadiri pembukaan rasmi pada hari tersebut.

Pameran Buku di DBP

Dari muka 1

tuk kanak-kanak juga akan dipamerkan seperti yang disumbangkan oleh negara Australia dan Jepun.

Selain dari sebagai tanda penghargaan Perpustakaan DBP terhadap sumbangan tersebut, tujuan pameran itu juga ialah untuk mendedahkan kepada orang ramai secara tidak langsung

akan kesenian dan kebudayaan negara-negara asing. Ianya juga untuk menarik minat orang ramai supaya berkunjung ke perpustakaan dan mendekatkan diri mereka kepada buku-buku yang mereka minati.

Pameran tersebut terbuka kepada orang ramai dari jam 8.00 pagi hingga jam 6.00 petang pada tiap-tiap hari.



PENGARAH Jabatan Kemajuan Perumahan, Awang Haji Othman (kanan) ketika memberikan taklimat kepada pelawat-pelawat tersebut. — Gambar oleh Harun Rashid.